

# siaran media

## **DUTCH LADY MILK INDUSTRIES BERHAD MERAIKAN HARI SUSU SEDUNIA 2022; MENEKANKAN KEPENTINGAN TENUSU DALAM PERSEKITARAN PASCA-PANDEMIK**

PUTRAJAYA, 1 Jun 2022: Dutch Lady Milk Industries Berhad (DLMI), pengeluar produk tenusu terkemuka Malaysia, meraikan program tahunan Hari Susu Sedunia dengan penuh keceriaan serta dorongan motivasi untuk mengingatkan rakyat Malaysia tentang kepentingan nutrisi dari tenusu dalam persekitaran pasca-pandemik.

Ketika dunia sedang berhati-hati beralih ke fasa endemik selepas dua tahun mengharungi wabak COVID-19, DLMI terus mengingatkan semua rakyat Malaysia tentang khasiat dan kebaikan susu sebagai sebahagian diet harian yang bagus dan penting untuk kecergasan aktiviti harian.

"Pandemik ini telah mengingatkan kita semua tentang kepentingan nutrisi, iaitu sebuah mesej yang kuat yang telah lama diperjuangkan oleh kami di DLMI sejak syarikat kami mula bertapak di Malaysia 59 tahun lalu," kata Pengarah Urusan Puan Ramjeet Kaur Virik pada sambutan Hari Susu Sedunia dan Hari Raya Aidilfitri 2022 anjuran DLMI yang diadakan di Putrajaya hari ini.

"Kami mendokong kuat agenda kesihatan negara yang ditetapkan oleh kerajaan lebih-lebih lagi dalam keadaan sekarang, bahkan DLMI akan terus menjadi rakan kongsi dari sektor swasta yang bersedia untuk bekerjasama memerangi peningkatan kes penyakit tidak berjangkit di kalangan rakyat Malaysia yang kini berada pada kadar yang membimbangkan," tambahnya.





DLMI akan terus memacu penyelesaian mampan jangka panjang untuk menangani dua kesan daripada isu pemakanan tidak seimbang, iaitu; kurang nutrisi (tumbesaran terbantut) dan nutrisi berlebihan (obesiti) yang dihadapi oleh kanak-kanak dan orang dewasa di Malaysia.

Sebagai pengeluar produk tenusu terkemuka negara, DLMI terus memberi tumpuan kepada para pengguna di kalangan rakyat Malaysia dengan memperkenalkan inovasi produk tenusu baharu, mendidik pengguna tentang kebaikan khasiat susu dan membekalkan nutrisi kepada kanak-kanak sekolah melalui pelbagai program dari jalinan kerjasama dengan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia.

Majlis anjuran DLMI tersebut dihadiri oleh rakan-rakan niaga, para pegawai kerajaan serta rakan-rakan media.

Ramjeet juga berkata, "DLMI sebagai subsidiari Royal FrieslandCampina di Belanda, meraikan tema Hari Susu Sedunia untuk tahun ini; 'Tenusu adalah untuk Kehidupan' - iaitu sebuah tema yang sesuai untuk segenap lapisan rakyat Malaysia yang membesar dengan susu Dutch Lady. Jenama Dutch Lady begitu dekat di hati rakyat jelata selaku jenama ikon yang mewakili produk tenusu kegemaran ramai sejak sekian lama".

Ramai keluarga Malaysia telah mendapat manfaat daripada kebaikan susu sejak turun temurun. Malah, pengambilan produk-produk tenusu telah menjadi sebahagian daripada budaya makanan manusia di kebanyakan bahagian dunia bukan sahaja ratusan malahan ribuan tahun lamanya. Tabiat pengambilan produk-produk tenusu sudah sebatu dengan tingkah laku manusia dan ianya boleh dinikmati oleh golongan muda sehinggalah golongan tua.

Hari Susu Sedunia telah disambut setiap tahun sejak tahun 2001 apabila ia dimulakan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sebagai sebuah wadah untuk menghargai susu sebagai nutrisi yang mampu milik selain meraikan industri tenusu secara meluas.

Sejak 1963, DLMI secara konsisten telah memenuhi tujuan korporatnya iaitu ***Mengkhasiatkan Dunia dan Manusia Sejagat Dalam Setiap Peringkat Kehidupan*** dengan menyemai rasa cinta terhadap susu dan produk berkaitan di





kalangan penduduk Malaysia dengan Dutch Lady selaku jenama produk tenusu berkhasiat ikonik yang digemari ramai.

#### **Tentang Dutch Lady Milk Industries Berhad**

Diperbadankan pada tahun 1963, Dutch Lady Milk Industries Berhad (DLMI) merupakan syarikat tenusu terkemuka di Malaysia. Ia dimiliki oleh sebuah syarikat koperasi tenusu terbesar di dunia, Royal FrieslandCampina NV, sebuah syarikat tenusu multinasional dari Belanda. DLMI merupakan syarikat susu pertama yang telah disenaraikan di Bursa Malaysia pada tahun 1968 dan yang pertama memperkenalkan susu serbuk yang diformulasikan untuk Kanak-kanak di Malaysia pada tahun 1988.

DLMI telah dianugerahkan Company of the Year 2014 oleh The Edge Billion Ringgit Club dan mengeluarkan dan menjual pelbagai produk tenusu berkualiti untuk pasaran rumah dan eksport, dengan semua produk menjadi produk kegemaran ramai seperti Dutch Lady dan Friso Gold. Melalui kerjasama unik antara FrieslandCampina dan empat pasukan / universiti penyelidikan antarabangsa, kami telah memulakan kajian South East Asian Nutrition Surveys (SEANUTS) pada tahun 2009, melibatkan empat negara - Malaysia, Indonesia, Vietnam dan Thailand. SEANUTS merupakan kajian berkaitan nutrisi dan kesihatan yang terbesar dan ekstensif di Asia Tenggara, dimana 16,744 kanak-kanak sehingga umur 12 tahun telah terlibat dengan kajian empat-tahun ini. Maklumat lanjut boleh didapati di [www.dutchlady.com.my](http://www.dutchlady.com.my)

#### **Tentang Royal FrieslandCampina**

FrieslandCampina ialah salah sebuah syarikat tenusu terbesar di dunia dengan tradisi koperasi sejak 150 tahun lalu. Syarikat ini memproses susu dari ladang tenusu kepada pelbagai produk dan bahan tenusu. Dengan cara ini Royal FrieslandCampina membekalkan ratusan juta orang di seluruh dunia dengan nutrisi berharga daripada susu. Royal FrieslandCampina N.V. dimiliki sepenuhnya oleh Zuivelcoöperatie FrieslandCampina U.A., dengan 15,703 penternak lembu tenusu di Belanda, Belgium dan Jerman sebagai ahli. Melalui koperasi tenusu ini, penternak lembu tenusu ini memiliki dan menyelia syarikat. Bersama ahli penternak lembu tenusu, FrieslandCampina menguruskan keseluruhan rantaian pengeluaran: daripada rumput ke gelas.

FrieslandCampina menyediakan pengguna dengan produk tenusu, seperti susu, yogurt, susu pekat, minuman berasaskan tenusu, keju, mentega, 'quark' dan krim. Syarikat tenusu ini membekalkan nutrisi khusus kepada kumpulan pengguna tertentu, seperti kanak-kanak, warga emas dan ahli sukan. Pelanggan profesional, seperti tukang roti, tukang masak pastri, pembuat konfeksi coklat, tukang masak dan katerer boleh bergantung pada FrieslandCampina untuk rangkaian produk yang luas, termasuk krim, mentega, pencuci mulut dan inti. Selain itu, syarikat turut membekalkan bahan-bahan berkualiti tinggi kepada pengeluar makanan antarabangsa dan syarikat farmaseutikal.

FrieslandCampina mempunyai cawangan di 32 negara dan mengeksport ke lebih 100 negara di seluruh dunia. Pada akhir tahun 2021, secara purata FrieslandCampina menggajikan 22,961 pekerja sepenuh masa. Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web kami di: [www.frieslandcampina.com](http://www.frieslandcampina.com).

#### **Siaran akhbar ini dikeluarkan oleh Dutch Lady Milk Industries Berhad**

Muhammad Abdul Hadi Abdullah  
Pegawai Perhubungan Korporat

Tel: 012-376 6497 Emel: [hadi.abdullah@frieslandcampina.com](mailto:hadi.abdullah@frieslandcampina.com)

Meera Selvaratnam  
Pengurus Komunikasi

Tel: 012-911 0733 Emel: [meera.selvaratnam@frieslandcampina.com](mailto:meera.selvaratnam@frieslandcampina.com)

